**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

| | |
|---|---|
| **From:** | UUM CORPORATE COMM. |
| **Sent:** | 14 Jun 2021 12:05 |
| **To:** | UUM - All Staff; UUM - All Students |
| **Cc:** | Staf - Pesara UUM |
| **Subject:** | PACE UUM TAWAR PENGAJIAN PJJ |

UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2021 / 5 ZULKAEDAH 1442H
==============================

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: PACE UUM

**PACE UUM TAWAR PENGAJIAN PJJ**



**UUM ONLINE**: Sintok – Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE) Universiti Utara Malaysia (UUM) menawarkan Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di 16 pusat pembelajarannya.

Pengarah PACE UUM, Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah berkata, 16 pusat dari seluruh Malaysia ini menawarkan enam program antaranya Pengurusan Awam, Pentadbiran Perniagaan, Komunikasi, Perniagaan, Kewangan dan Perbankan Islam, Pengurusan Industri Kreatif dan Pentabiran Muamalat.

Katanya, peluang pengajian untuk Sarjana Muda ini ialah untuk merealisasikan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat sekaligus memperbaiki kualiti hidup melalui peningkatan pendidikan yang lebih tinggi.

"PACE bertanggungjawab mengendalikan program melalui mod PJJ ini dan memenuhi kehendak pasaran semasa dan memastikan standing dengan kualiti pelajar sepenuh masa di UUM,"ujarnya lagi.

Sementara itu Pengurus Komunikasi Korporat dan Pemasaran PACE UUM, Dr. Khairol Anuar Ishak ketika dihubungi berkata, calon yang ingin memohon PJJ ini sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam Bahasa Melayu, dan kepujian dalam tiga mata pelajaran lain diperingkat SPM atau setaraf dengannya.

Manakala pelajar yang mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula sekurang-kurangnya PNGK 2.0 dan Gred C (NGMP 2.00).

"Rekod pengajian pelajar PJJ UUM sehingga kini telah mencapai lebih 5,000 alumni yang telah menamatkan pengajian mereka dengan UUM," sambungnya lagi.

Oleh itu PACE UUM mengalu-alukan permohonan pelajar baharu untuk mengikuti pengajian disini kerana kualitinya sama dengan pelajar sepenuh masa.

Kaedah pembelajaran atau pertemuan kuliah akan diadakan empat kali dalam satu semester dan sesi kuliah pula dikendalikan empat jam pada hujung minggu setiap bulan.

Pusat pembelajaran PACE UUM beroperasi di Kampus UUM, Sintok, Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur, Kota Bharu, Johor Bahru, Kuching, Sibu, Kota Kinabalu, Ipoh, Melaka, Kuantan, Yayasan Bank Rakyat, Langkawi, Miri, Tawau, Sandakan dan Kuala Terengganu.

Bagi mereka yang ingin memohon dan mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi talian 0195906855 atau 019-5908544.

UUM
CORPORATE COMM.
04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)

Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.